

MENDIDIK MASYARAKAT TENTANG BAHAYA FITNAH

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan sosial, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2005). Mendidik Masyarakat tentang Bahaya Fitnah in *Khutbah Jumaat*. 2hb. Jun 2005. Masjid Sultan Ismail, UTM Skudai Johor .

ABSTRACT

Gejala fitnah memfitnah di kalangan umat Islam tidak pernah padam dan dalam diari sejarah umat Islam. Bahana fitnah ini dalam sejarah membuktikan fitnah bukan sahaja merugikan umat Islam dengan perpecahan dan pergolakan bahkan banyak juga yang membawa kepada pertumpahan darah yang sangat merugikan kecemerlangan umat Islam.

REFERENCES

- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1988). *Ihya' 'ulum al-din (terj.)* (Vol. 1-8). Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Mubarakfuri, Sofi al-Rahman. (1994). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasany. (1986). *Al-Sirah al-Nabawiyah (Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W.)* (Bey 'Arifin Yunus 'Ali Muda, Trans.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1994). *Sunan al-Tarmidhi* (Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Hisham, Ibn. (1955). *Al-Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisham* (Mustafa Saqa, Ibrahim al-Abyari & Abd al-Hafiz Shalbi Eds. Vol. 1-2). Mesr: Sharikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

MENDIDIK MASYARAKAT TENTANG BAHAYA FITNAH

Kamarul Azmi Jasmi

Khutbah Jumaat 2hb. Jun 2005
Masjid Sultan Ismail, UTM Skudai Johor

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِخْوَةً فِي الْإِيمَانِ فَكَانُوا فِي شِدِّ بَعْضُهُمْ بَعْضًا وَتَعَاوَنَهُمْ عَلَى الْخَيْرِ كَالْبُنْيَانِ وَأَشْهَدُ أَلَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الرَّحِيمُ الرَّحْمَنُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى مِنْ نَبِيِّ الْإِنْسَانِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِخْوَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ وَأَنَّ هَذِهِ الْإِخْوَةَ أَقْوَى مِنْ كُلِّ رَابِطَةٍ وَصَلَّةٍ فَيَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا أَنْسَابَ بَيْنَكُمْ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ وَصَاحِبَتِهِ وَبَنِيهِ وَلَكِنَّ الْأَخْلَاءَ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ.

Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian

Gejala fitnah memfitnah di kalangan umat Islam tidak pernah padam dan dalam diari sejarah umat Islam. Bahana fitnah ini dalam sejarah membuktikan fitnah bukan sahaja merugikan umat Islam dengan perpecahan dan pergolakan bahkan banyak juga yang membawa kepada pertumpahan darah yang sangat merugikan kecemerlangan umat Islam (Al-Nadwi, 1986).

Sejarah fitnah ini boleh kita lihat berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Rasulullah s.a.w. selalu difitnah sebagai orang gila, membawa ajaran yang memecahbelahkan masyarakat Arab dan lain-lain perkataan lagi sewaktu berdakwah di Mekah. Apabila Rasulullah s.a.w. telah berhijrah ke Madinah satu lagi ujian fitnah terbesar yang melibatkan orang munafik dan kerabat baginda dan Syaidina Aisyah sendiri yang terkenal dengan jolokan "Hadith Ifk". Fitnah ini cuba memalukan saidina Aisyah dengan menyebarkan cerita bohong bahawa beliau bermukah dengan seorang ansari (Hisham, 1955; Al-Mubarakfuri, 1994). Namun akhirnya Allah S.W.T. campur tangan dengan menurunkan ayat yang menjelaskan kesucian beliau dalam firman-Nya yang berbunyi,

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا
اَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾

Maksud: Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).

(Surah al-Nur, 24:11)

Surat palsu yang dibuat atas nama Sayidina Uthman yang menyuruh membunuh utusan yang membawa surat pemecatan Gabenor Mesir merupakan sejarah fitnah terbesar dalam lipatan sejarah Islam. Fitnah ini membawa satu titik permulaan perpecahan umat Islam sehingga sekarang ini. Akibatnya, Sayidina Uthman, menantu Rasulullah s.a.w. yang sudah berumur ini dibunuh ketika membaca al-Quran. Isterinya Nailah r.a. yang cuba membantu suaminya yang tercinta, putus jari-jari tangan akibat terkena pedang.

Peristiwa pembunuhan Khalifah Uthman bahkan mengheret sama para sahabat Rasulullah s.a.w. serta umat Islam waktu itu. Ekoran daripada itu tercetusnya perang antara 'A'isyah yang disokong oleh Zubair bin Awwam dan Talhah bin Ubaidillah dengan Ali atas ketidakpuasan hati pelantikan Ali sebagai Khalifah. Kemudian muncul penentangan Muawiyah di Syam dengan dalih menuntut bela atas kematian Uthman sebab ia adalah keluarga terdekat Bani Umaiyah. Dalam perang yang dikenali sebagai Perang

Jamal atau Unta. Kumpulan 'A'isyah telah kalah, manakala Zubair dan Talhah telah terbunuh. Aisyah pula tertawan dengan hormat dihantar kembali ke Madinah. Manakala dalam perang Siffin antara Ali dan Muawiyah telah memusnahkan 35,000 tentera Ali dan 45,000 orang tentera Muawiyah.

Rentetan lain akibat fitnah yang disebut di atas tadi juga memunculkan satu puak yang berhaluan kiri iaitu "Gerakan Khawarij" yang enggan menerima perdamaian atau gencatan senjata antara Ali dan Muawiyah dan peristiwa Perang Siffin. Gerakan Khawarij itu meletakkan kesalahan kepada Ali, Muawiyah dan Amru bin al-As yang dianggap menyebabkan berlaku perpecahan ummah. Mereka bermuafakat untuk membunuh ketiga orang ini. Khalifah Ali bin Abi Talib berjaya dibunuhnya manakala Muawiyah dan Amru gagal. Demikianlah akibat fitnah pertama yang timbul di Madinah yang kemudian dibiarkan berlarutan sehingga sekarang. Kesannya masih dirasai iaitu munculnya firqah-firqah dari pelbagai golongan dan paling ketara ialah pertentangan pendapat antara Syiah dan Ahlus-Sunnah. Berlarutan fitnah-fitnah itu sehingga Bani Umayyah yang telah bertapak selama 80 tahun dapat ditumbang oleh kekuatan Bani Abbasiyyah (Hisham, 1955).

Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian

Fitnah yang menimbulkan bencana kepada umat Islam merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kekacauan, bencana, cubaan dan penyesatan. Fitnah dalam *Kamus Dewan* (2005: 353) bermaksud tuduhan yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburukkan atau membencanakan seseorang. Atau dalam pengertian kita sehari-hari, kata fitnah ini sering dimaksudkan sebagai berita bohong atau tuduhan yang diada-adakan untuk membinasakan seseorang yang tidak sesuai dengan kenyataan atau kebenaran. Namun pengertian fitnah daripada definisi Islam mempunyai maksud yang lebih luas, iaitu fitnah mempunyai persamaan dengan ghibah (mengumpat). Bezanya ghibah membicarakan keburukan orang lain yang berdasarkan kenyataan sedangkan fitnah berunsur pembohongan. Namun, kedua-duanya diucapkan untuk maksud yang tidak baik (Jasmi, 2002). Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya (Muslim, t.th.: 2589):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «أَتَدْرُونَ مَا الْغَيْبَةُ؟» قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: «ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ» قِيلَ أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ؟ قَالَ: «إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ، فَقَدْ اغْتَبَبْتَهُ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ فَقَدْ بَهَتَّهُ»

Maksud: "Tabukah kamu apakah ghibah itu? Mereka inenjawab, "Allah dan Rasulnya lebih inengelahui." Nabi lain menjelaskan. "ghibah adalah membicarakan apa yang tidak disenangi orang lain di belakangnya". "Seandainya yang dibicarakan itu benar. apakah itu juga dinamakan ghibah?" tanya sahabat. Nabi s.a.w inenjawab, "judul ghibah. sedangkan bila yang engkau bicarakan perkara yang tidak benar. maka itulah hujlan (fitnah).

(Muslim)

Al-Ghazali (t.th.) dalam membicarakan tentang fitnah, beliau menyamakan fitnah sama ertinya dengan *al-namimah* yang bermaksud: membesar-besarkan berita orang lain kepada pendengar-pendengar lain. Biasanya dalam proses membesar-besarkan berita ini terdapat penambahan yang tidak benar atau biasanya manusia yang lemah imannya suka menyebarkan cerita-cerita yang sensasi dengan pembohongan. Sebab itu, *al-Namimah* terkandung di dalamnya fitnah dan mengumpat. Cuma berbanding antara keduanya fitnah lebih buruk dosanya daripada mengumpat walaupun kedua-duanya merupakan *al-namimah* yang berdosa besar.

Agama Islam amat benci kepada orang yang melakukan fitnah ke atas orang lain sehingga banyak ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menjanjikan balasan buruk yang akan diterima oleh mereka kerana suka membuat fitnah tersebut. Dalam surah al-Nur ayat 11 yang saya bacakan sebelum ini, jelas Allah

S.W.T. menyatakan sesiapa yang terlibat dengan membesar-besarkan cerita bohong akan mendapat azab yang sangat besar. Ini diperteguhkan lagi oleh-Nya dalam surah *al-Humazah* yang berbunyi:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾

Maksud: Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci dan pengeji.

(Surah *al-Humazah*, 104:1)

Al-Ghazali (1988: 392/4) menjelaskan humazah itu ditujukan kepada pengumpat dan pembawa fitnah. Sekali peristiwa Huzaifah terdengar tentang seorang lelaki yang sedang sibuk menceritakan tentang cerita-cerita fitnah. Lalu beliau berkata (Muslim, t.th.: 105),

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ»

Maksud: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak masuk syurga orang yang membesar-besarkan berita fitnah." (Muslim)

Dalam riwayat al-Tarmidzi yang dianggap Hasan Sahih (Al-Tirmidhi, 1994: 2026, Kitab al-Bir wa al-Silah) seorang lelaki telah datang kepada Huzaifah menceritakan tentang seorang lelaki yang menceritakan cerita-cerita yang tidak baik tentang pemerintah. Sebagaimana athar (Al-Tirmidhi, 1998: 2026; Ahmad, 2001: 23310),

عَنْ هَمَّامِ بْنِ الْحَارِثِ، قَالَ: مَرَّ رَجُلٌ عَلَى حُدَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ فَقِيلَ لَهُ: إِنَّ هَذَا يُبَلِّغُ الْأُمَرََاءَ الْحَدِيثَ عَنِ النَّاسِ، فَقَالَ حُدَيْفَةُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ. قَالَ سُفْيَانُ: وَالْقَتَاتُ النَّمَامُ.

Maksud: Hammam bin al-Harith berkata bahawa seorang lelaki lalu di hadapan Huzaifah bin al-Yaman dan berkata: "lelaki ini suka menyampaikan berita tentang pemerintah semasa kepada orang ramai. Lalu Huzaifah berkata: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak masuk syurga al-qattat (orang yang membesar-besarkan cerita buruk dan karut)." Sufyan berkata: "al-qattat ialah al-Namim."

(Al-Tirmidhi dan Ahmad)

Allah S.W.T. digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai begitu murka kepada pembawa fitnah ini sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis yang bermaksud (Al-Ghazali, 1988: 4/393): "Dan orang yang paling dimurkai Allah S.W.T. ialah orang yang pergi membawa fitnah, memecah belahkan di antara persaudaraan dan mencaci orang yang tidak bersalah terhadap kesalahan yang tidak dilakukannya." (Riwayat al-Tabrani)

Berdasarkan Penghuraian sejarah dan penjelasan al-Quran dan al-hadith di atas, jelas fitnah menfitnah memberikan implikasi yang besar bukan sahaja memporak-perandakan umat Islam daripada mencapai kecemerlangan dunia bahkan menyebabkan mereka yang suka fitnah menfitnah dibenci dan dimurkai Allah S.W.T. di alam Akhirat sehingga Allah S.W.T. melalui Nabi-Nya menjanjikan tukang fitnah ini sebagai golongan yang tidak layak untuk masuk ke syurga.

Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian

Sebagai umat Islam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membasmi segala bentuk perpecahan yang boleh membawa kepada kemunduran umat Islam. Oleh itu, dalam usaha untuk memdidik masyarakat bagi menghadapi golongan yang suka fitnah menfitnah ini al-Imam al-Ghazali (1988: 396/4) ada menjelaskan langkah-langkah perlu diambil oleh umat Islam,

- (1) Menolak berita yang disampaikan oleh golongan kaki fitnah. Hal ini adalah kerana golongan ini dianggap fasik. Orang yang fasik tidak boleh diberi kepercayaan terhadap berita-berita yang dibawanya.
- (2) Menunjukkan kemarahan dan kebencian kepada penabur fitnah tersebut kerana Allah S.W.T. juga marah dan bencikan golongan ini.
- (3) Melarang penfitnah itu daripada meneruskan usahanya menfitnah kerana perintah Allah S.W.T. yang menyuruh mencegah segala bentuk kemungkaran.
- (4) Menolak daripada bersangka buruk terhadap orang yang menjadi mangsa fitnah tersebut kerana bersangka buruk ini merupakan satu dosa di sisi Islam.
- (5) Jangan mengintip dan mencari kesalahan yang difitnahkan melainkan bagi penguasa yang dipertanggungjawabkan untuk membuktikan kebenaran yang terfitnah kerana perbuatan mencari-cari keburukan merupakan satu dosa.
- (6) Menghindarkan diri dan nienanamkan ketidaksukaan kepada diri daripada menceritakan pnta htnah yang didengar kepada orang lain kerana dengan perbuatan itu dirimu juga tergolong golongan penfitnah yang dibenci .

Allah S.W.T. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا
 أَيُّبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah: sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.

(Surah al-Hujerat, 49:12)

Rujukan

- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1988). *Ihya' 'ulum al-din (terj.)* (Vol. 1-8). Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Ghazali, Muhammad. (t.th.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Mubarakfuri, Sofi al-Rahman. (1994). *Al-Rabiq al-Makhtum*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasany. (1986). *Al-Sirah al-Nabawiyyah (Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W.)* (Bey 'Arifin Yunus 'Ali Muda, Trans.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1994). *Sunan al-Tarmidhi* (Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Hisham, Ibn. (1955). *Al-Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham* (Mustafa Saqa, Ibrahim al-Abyari & Abd al-Hafiz Shalbi Eds. Vol. 1-2). Mesr: Sharikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.